

# Mainkan peranan lebih besar - PM

⓪ tips over... U.M. 15 MAY 1993

Daripada KHALID MOHD.

**T**OKYO 14 Mei — Malaysia telah meminta Jepun, sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, supaya memainkan peranan lebih besar dalam menyelesaikan masalah dunia dan tidak hanya mcnumpukan kepada soal perdagangan dan urusannya di Asia Timur sahaja.

Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kemboja dan Bosnia adalah dua kawasan konflik di mana Jepun sepatutnya melibatkan diri secara langsung bagi mencari penyelesaian.

Di Kemboja, ujar beliau, Jepun tidak hanya boleh memberi sumbangan wang untuk menampung kos operasi pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tetapi harus lebih terlibat.

Di Bosnia pula, kata Perdana Menteri, Jepun hendaklah menekankan kepada kuasa-kuasa Ba-

rat tentang betapa perlunya tindakan berkesan diambil bagi menyelesaikan penindasan dan pembunuhan di negara tersebut.

Harapan Malaysia ini disampaikan kepada Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa semasa Dr. Mahathir mengadakan perbincangan dengan beliau di sini petang semalam.

Bercakap kepada para wartawan Malaysia tentang pertemuan tersebut pagi ini, Dr. Mahathir berkata, peranan Jepun dalam isu-isu itu adalah penting jika ia ingin menjadi pemimpin dunia.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia menyokong keanggotaan Jepun dalam Majlis Keselamatan PBB dengan harapan Jepun tidak hanya memberi perhatian kepada perkara-perkara berkaitan dengan Asia Timur ataupun perdagangan sahaja, tetapi juga masalah-masalah dunia.

"Bosnia adalah masalah dunia. Kita harap Jepun akan memainkan peranannya," ujar beliau.

Dr. Mahathir kesal kerana kuasa-kuasa Barat yang banyak bercakap tentang hak asasi manusia boleh membiarkan penindasan dan pembunuhan di Bosnia berterusan tanpa mengambil tindakan yang betul-betul berkesan bagi menghentikannya.

"Kita meminta Jepun memberi pandangan yang positif terhadap tindakan yang berkesan di Bosnia dan mempengaruhi, setakat yang mereka mampu, Majlis Keselamatan, khususnya negara-negara Barat - negara-negara yang dikatakan begitu mengambil berat tentang soal hak asasi manusia," katanya.

Menghurai tentang keadaan di Kemboja, Dr. Mahathir memberitahu bahawa Miyazawa memberi jaminan kepadanya bahawa Jepun tidak sekali-kali akan menarik keluar tenteranya yang sedang berkhidmat di sana sebagai pasukan pengaman PBB.

Bagaimanapun Perdana Menteri menekankan

tentang perlunya Jepun memainkan peranan lebih besar sesuai dengan kedudukannya sebagai kuasa utama di rantau ini dan sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB.

Diminta mengulas keadaan di Kemboja dan kemungkinan pilihan raya yang dijadualkan bermula 23 Mei ini terpaksa dibatalkan, Dr. Mahathir berkata, adalah satu perkara malang jika benar pilihan raya tidak dapat diadakan.

Menurut beliau, pembatalan pilihan raya itu sebenarnya tidak akan menyelesaikan apa-apa dan langkah ini juga tidak bererti puak Khmer Rouge akan memberikan kerjasama dalam usaha mengembalikan kedamaian di Kemboja.

Malaysia, kata Dr. Mahathir, akan terus memberi sokongan kepada Putera Norodom Sihanouk dalam usaha mencari penyelesaian dan berharap beliau tidak akan putus asa dengan tentangan-tentangan yang dihadapi. —*Utusan*.